

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa dua orang wakil rakyat dan beberapa orang lain ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 baru-baru ini dan memperlakukan mereka seolah-olah mereka adalah penganas walaupun rekod peribadi mereka menunjukkan sebaliknya, dan bilakah SOSMA ini mahu dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

12 orang individu termasuklah dua orang wakil rakyat berkenaan telah ditahan oleh pihak polis kerana mereka didapati terlibat dalam mempromosi, menyokong dan mengumpul dana untuk kumpulan penganas Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE). Penahanan mereka bukanlah dibuat secara rambang atau secara membuta tuli. Sebaliknya penahanan mereka dibuat setelah pihak polis mempunyai keterangan dan bukti yang menunjukkan penglibatan mereka dengan LTTE. Contohnya, mereka didapati cuba untuk mengaktifkan kembali kegiatan LTTE dengan menganjurkan program-

program mempromosikan LTTE dan aktiviti pungutan dana bagi kumpulan pengganas tersebut.

Selain itu, mereka turut terlibat dalam menganjurkan sambutan yang mengagung-agungkan kumpulan pengganas berkenaan seperti sambutan “Blacktigers Day” iaitu sambutan bagi meraikan pejuang-pejuang berani mati LTTE, “Prabakharan’s Birthday” (sambutan hari kelahiran pemimpin LTTE) dan “Martyrs Day” (sambutan bagi memperingati pejuang-pejuang LTTE di Sri Lanka yang mati semasa pertempuran pada tahun 2009).

Kesalahan mereka iaitu kesalahan di bawah Bab VIA Kanun Keseksaan diklasifikasikan sebagai kesalahan keselamatan di dalam Jadual 1 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Oleh kerana itu, penahanan mereka telah dibuat mengikut prosedur Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk siasatan.

Saya ingin menegaskan bahawa tindakan polis berkaitan penahanan 12 individu terbabit adalah dibuat mengikut lunas undang-undang dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Kementerian sedang mengkaji semula undang-undang berkaitan keselamatan negara termasuklah SOSMA. Berdasarkan input-input yang di terima dari pelbagai pihak hasil daripada sesi libat urus yang telah dilaksanakan Kementerian akan memuktamadkan cadangan pindaan setelah kajian menyeluruh selesai dilaksanakan.